

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF B. ABDUL RAHMAN
(KUALA KRAI)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina Balai Polis Kuala Krai yang baharu kerana balai polis ini telah begitu lama dan usang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan meneliti dan mengkaji keperluan dan penambahbaikan balai polis yang baharu bagi memberi laluan kepada projek-projek lain yang lebih mendesak.

Sebagai makluman, keutamaan pihak Kementerian dan PDRM ialah bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaiktaraf premis PDRM.